



Nur Ain Shafira (kiri) dan rakan menjalani sesi latihan bersama di Kota Bharu, baru-baru ini.

## Gadis OKU lincah main bola sepak

➔ Nur Ain Shafira cacat pendengaran, bisu mampu tandingi orang normal

Oleh Syaheerah Mustafa  
bhkb@bh.com

▪ Kota Bharu

Melihat kelincuhan remaja perempuan bermain bola sepak di padang, pasti kita tidak menyangka dia adalah orang kurang upaya (OKU) yang cacat pendengaran dan bisu.

Nur Ain Shafira Ghazali, 16, aktif bersukan sejak di bangku sekolah dan antara peserta yang terpilih menyertai pasukan bola sepak wanita untuk SS Glow Glowing Football Club (FC).

Aksinya sebagai penyerang dalam kumpulan itu pasti memukau penonton kerana kehebatannya

mengawal bola dengan kelincuhan yang ada dalam setiap serangannya.

### Minat bersukan

Pelajar Tingkatan Empat, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ismail Petra itu berkata, pembabitannya dalam bidang sukan khususnya bola sepak dan olahraga adalah kerana minat yang mendalam selain puas apabila dapat bersukan, lebih-lebih lagi jika memenangi suatu pertandingan.

Nur Ain Shafira tidak mahu kekurangan pada dirinya menjadi penghalang untuk membanggakan ibu bapa dan keluarga.

"Saya mendapat sokongan padu daripada mereka, terutama daripada ayah yang mahu saya menjadi atlet yang berjaya."

"Saya ikut sesi latihan seperti biasa tanpa sebarang keistimewaan lain. Saya hanya tidak mampu mendengar dan bercakap tetapi fizikal tetap kuat seperti orang lain," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Nur Ain Shafira berkata, beliau mengakui kadang-kadang sedikit tertekan apabila mengalami masalah untuk berkomunikasi dengan jurulatih.

Keyakinan diri dan usaha tanpa henti adalah kunci utama untuk menjadi atlet yang mampu pergi dengan lebih jauh. Saya tidak akan sesekali berputus asa untuk mencapai sesuatu kejayaan"

Nur Ain Shafira Ghazali,  
Pelajar OKU

### Info

Nur Ain Shafira Ghazali

- Penerima Anugerah Cemerlang Kokurikulum Negeri Kelantan 2015.  
- Penerima Anugerah Kebangsaan Balapan dan Padang 2015.

- Penyumbang gol terbanyak pasukan Glow Glowing FC (kelab bola wanita pertama Kelantan) ketika Liga Bola Sepak Rakyat Wanita (LBRW) 2017.



Kebolehan Nur Ain Shafira bermain bola sepak setanding pemain normal yang lain.

Namun, kekangan itu dapat diatasi apabila hubungan kedua-duanya serasi dan saling berusaha memahami antara satu sama lain menerusi bahasa isyarat.

"Keyakinan diri dan usaha tanpa henti adalah kunci utama untuk menjadi atlet yang mampu pergi dengan lebih jauh. Saya tidak akan sesekali berputus asa untuk mencapai sesuatu kejayaan."

"Harapan saya dalam bidang sukan ini semoga mampu mewakili negara untuk mengharumkan nama Malaysia, sekali gus membuktikan OKU seperti saya juga mampu berjaya," katanya yang dibantu kakaknya Nur Ain Shafika Ghazali, 19, sebagai penterjemah sepanjang sesi temu bual dijalankan.

### Keluarga beri sokongan

Sementara itu, ibunya, Azizan Hassan, 43, berkata keluarga sentiasa memberi sokongan padu terhadap minat Nur Ain Shafira dalam bidang sukan.

"Ketika Nur Ain Shafira menyampaikan hasratnya untuk menyertai pasukan bola sepak wanita, saya terus bersetuju dan tidak menghalanginya kerana dia sudah mempunyai banyak pengalaman. "Anak saya mula bersukan sejak

dari sekolah rendah lagi, malah sudah memenangi banyak pertandingan, terutama dalam sukan olahraga."

"Tahun lalu dia memenangi emas dalam sukan olahraga lari 400 meter di Sukan Malaysia (SUKMA) yang diadakan di Sarawak. Apa yang lebih membanggakan dia satu-satunya peserta perempuan mewakili Kelantan."

"Saya gembira kerana dia mampu bersukan seperti remaja normal yang lain walaupun tidak mampu bercakap. Malah, dengan bersukan saya dapat lihat dia lebih berkeyakinan dan bersemangat," katanya yang mempunyai enam anak dan tiga daripadanya adalah OKU.

Azizah berkata, Nur Ain Shafira juga mempunyai seorang abang yang aktif bersukan yang juga OKU, Mohd Faizal Firdaus, 21, kini melanjutkan pelajaran di Politeknik Premier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

"Saya berharap Nur Ain mampu menjadi atlet yang berjaya suatu hari nanti supaya dapat membuktikan kepada masyarakat bahawa mereka yang kurang upaya juga mampu pergi jauh dalam bidang sukan," katanya.